

23 OCT 2002

Mahathir-Kajian/I

MALAYSIA PERLU ADAKAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS SISTEMATIK TERHADAP PERUBATAN HERBA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata masanya telah tiba bagi Malaysia untuk mengadakan penyelidikan dan analisis bersistematik terhadap perubatan herba di negara ini memandangkan Malaysia kaya dengan sumber tanaman herba dalam mengubati penyakit.

Beliau berkata sebagai sebuah negara yang kaya dalam sumber biologi, bioteknologi telah menjadi amat penting dan "kita tahu potensi untuk menyaring ubat-ubatan daripada herba."

Dr Mahathir berkata demikian pada pelancaran Yayasan Inisiatif Penyelidikan Barah (CARIF) di sini malam ini.

CARIF, yang ditubuhkan awal tahun lepas merupakan organisasi penyelidikan bebas tanpa keuntungan yang pertama di Malaysia yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan barah yang umum di Malaysia dan untuk membangunkan alat terapeutik diagnosis bagi melawan barah.

Ia juga turut menerokai kekayaan biokepelbagaian di Malaysia bagi ubat-ubatan anti barah yang berpotensi.

Dr Mahathir berkata sungguhpun Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan pelbagai jenis herba yang digunakan oleh rakyat tempatan untuk mengubati pelbagai penyakit tetapi Malaysia masih belum berjaya dalam menggunakan herba-herba itu kerana tidak banyak penyelidikan dan analisis yang dijalankan ke atasnya.

"Kita perlu mencari bagaimana keberkesanan perubatan herba ini dan ianya memerlukan banyak wang.

"Adalah malang sekiranya orang dari luar menguasai herba-herba ini dan menjalankan penyelidikan serta mendapati bahawa herba-herba berkenaan sebenarnya boleh mengubati barah, mempatenkannya dan menganggapkannya sebagai hakmilik intelek mereka sungguhpun tumbuhan itu ditemui di Malaysia. Mereka akan memperolehi banyak wang," kata beliau.

Beliau berkata perkara ini sebenarnya telah berlaku terhadap tumbuhan kemunting cina (periwinkle) yang ditemui di Madagascar serta dibawa keluar ke negara maju yang mempunyai kemudahan penyelidikan dan mereka berupaya menghasilkan ubat-ubatan yang berkesan dalam mengubati barah manakala Madagascar tidak memperolehi apa-apa.

Katanya, oleh itu kerajaan Malaysia kini tidak lagi membenarkan herba tempatan dibawa keluar dari negara ini tetapi kerajaan mengalu-alukan ahli sains dan penyelidik asing untuk menjalankan penyelidikan mereka dalam negara ini terutamanya dengan penubuhan lembah bio di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Mengenai Carif, Dr Mahathir berkata sektor swasta dan syarikat-syarikat yang besar perlu menyokong badan itu dari segi kewangan bagi membolehkannya melaksanakan penyelidikan dalam tempoh yang lebih pantas menggunakan lebih banyak penyelidik untuk membongkar perkara-perkara baru berkaitan barah.

Beliau berkata barah kini sudah menjadi satu daripada pembunuh utama di negara ini, iaitu yang kedua selepas penyakit jantung.

Katanya, pada masa doktor dan penyelidik mencuba bertahun-tahun untuk mencari ubat bagi barah, akhir-akhir ini penyelidik menemui ubat-ubatan yang boleh merencatkan pertumbuhannya. Bagaimanapun, ianya agak mahal dan tidak mudah diperolehi.

Dengan Carif, beliau berharap Malaysia dapat merungkaikan punca-punca barah dan mencari perawatannya, "tetapi kita tidak harus memikirkan untuk mencapai matlamat ini dapat tempoh yang singkat. Penyelidikan mengambil

masa yang panjang dan banyak wang."

Carif, yang bertempat di Pusat Perubatan Subang Jaya, ditaja oleh Yayasan Lim, Petronas, Lembaga Totalisator Malaysia dan Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (Bakti).

Organisasi itu menjalankan penyelidikan dengan kerjasama universiti tempatan dan institusi penyelidikan, bersama dua universiti dari United Kingdom iaitu University Bristol dan University of Cambridge, Insitut Penyelidikan Kanak-kanak Murdoch di Australia dan Institut Penyelidikan Van Andel dari Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

HK HK ROS